

Heroin RM6j tak sempat dijual

UPP tahan lelaki tempatan cuba seludup dadah dari Hatyai ke Pulau Pinang

Oleh Nahar Tajri
nahar@bharian.com.my

ALOR SETAR: Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) menggagalkan cubaan menyeludup dadah bernilai RM6 juta ke negara ini selepas menahan seorang lelaki warga tempatan yang kini menetap di Hatyai, Thailand, dalam sekatan di Kilometer 15.1 Lebuhraya Changlun-Bukit Kayu Hitam, di sini, petang kelmarin.

Ketua Polis Kedah, Datuk Syed Ismail Syed Azizan, berkata dalam sekatan jam 2.40 petang itu sepasukan anggota UPP Bukit Kayu Hitam menahan sebuah kereta Toyota Corona bernombor pendaftaran Thailand yang dipandu seorang lelaki tempatan berusia 47 tahun.

Katanya, selepas membuat pemeriksaan anggota UPP menemui 74 ketul serbuk putih mampat yang dibungkus dengan kertas minyak di tempat menyimpan tayar ganti dalam but belakang kereta berkenaan.

"Hasil pemeriksaan, kita mendapati ketulan serbuk mampat itu adalah dadah jenis heroin yang setiap satu seberat 400 gram dan dipercayai cuba dibawa ke Pulau



SYED ISMAIL (dua dari kanan) menunjukkan heroin yang dirampas pada sidang media di Alor Setar, semalam.

Pinang untuk diproses sebelum dipasarkan.

"Berdasarkan maklumat awal kita percaya dadah ini akan diproses di makmal pemprosesan di Pulau Pinang namun belum dapat dipastikan lokasinya buat masa ini.

"Ia masih dalam siasatan namun kita percaya kegiatan ini didalangi sindiket penge-

FAKTA NOMBOR

74
ketul

Heroin mampat dirampas dengan setiap satunya seberat 400 gram

darang dadah terancang," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Syed Ismail berkata, lelaki berkenaan dikenal pasti sebagai warga negara ini yang berasal dari Ayer Hitam, Pulau Pinang dan kini menetap di Hatyai selepas mengahwini seorang wanita pengusaha restoran di sana.

"Berdasarkan semakan kita dapati lelaki ini mempunyai lapan rekod jenayah lampau antaranya jenayah kekerasan yang berkaitan dengan kes samun.

"Lelaki itu direman selama tujuh hari hingga 25 Mei ini. Kes disiasat mengikut seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.